

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN (KUALA KRAI)**

TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN minta **MENTERI
PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang
menaik taraf Stesen Kereta Api Dabong untuk memberi keselesaan
kepada penumpang dan menarik lebih ramai pelancong ke Dabong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti menaiktaraf Stesen Kereta Api kerana melalui projek tersebut bukan sahaja mampu memberikan keselesaan kepada para penumpang malah turut memberi impak pertumbuhan ekonomi termasuk merencanakan aktiviti pelancongan di kawasan persekitaran Stesen Keretapi dan sepanjang jajaran laluan Keretapi.

Pada ketika ini, pihak Kementerian Pengangkutan sedang memberikan fokus melaksanakan projek yang berkeutamaan tinggi bagi menaiktaraf stesen Dabong yang melibatkan peninggian platform (Fasa 1) dan pemanjangan platform berbumbung serta beberapa kemudahan di Stesen tersebut seperti pembesaran ruang menunggu, kaunter tiket, surau, tandas serta kemudahan OKU (Fasa 2).

Projek Fasa 1 dijangka dapat disiapkan pada suku kedua tahun 2022. Manakala kerja-kerja Fasa 2 masih dalam penelitian lanjut daripada segi rekabentuk naiktaraf dan kos terlibat.